



23 Jun 2021
23 June 2021
P.U. (A) 276

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGURUSAN STRATA (PENGECUALIAN KEPADAA PERBADANAN PENGURUSAN) 2021

STRATA MANAGEMENT (EXEMPTION TO MANAGEMENT CORPORATION) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERINTAH PENGURUSAN STRATA (PENGECUALIAN KEPADA PERBADANAN PENGURUSAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 151 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], Menteri selepas berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengurusan Strata (Pengecualian kepada Perbadanan Pengurusan) 2021.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan perbadanan pengurusan daripada pemakaian peruntukan Akta yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ruang (2).

Kecualian

3. (1) Perintah ini hendaklah tidak menjelaskan apa-apa prosiding undang-undang yang telah dimulakan atau apa-apa penghakiman atau award yang telah diperoleh dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga tarikh penyiaran Perintah ini dalam *Warta*.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh perbadanan pengurusan di bawah Akta sebelum atau pada permulaan kuat kuasa Perintah ini adalah sah dan hendaklah tidak menjelaskan apa-apa prosiding undang-undang yang dimulakan oleh atau terhadap perbadanan pengurusan itu.

JADUAL
[Perenggan 2]

(1) <i>Peruntukan Akta</i>	(2) <i>Syarat</i>
Perenggan 62(1)(c)	Suatu salinan akaun teraudit yang diperakui benar bersama dengan laporan juruaudit yang perlu difailkan dengan Pesuruhjaya dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021 hendaklah difailkan selewat-lewatnya pada 1 Julai 2021.
Perenggan 6 Jadual Kedua	<p>(a) Tempoh pengurusan permulaan hendaklah habis dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021; dan</p> <p>(b) Tempoh apa-apa kontrak yang berhubungan dengan pengambilan kerja ejen dan pekhidmat mana-mana bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bagi kepada petak-petak dan harta bersama di dalam kawasan pemajuan itu yang dibuat dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021 hendaklah tidak melebihi satu bulan selepas mesyuarat agung tahunan diadakan.</p>
Perenggan 10 Jadual Kedua	Mesyuarat agung tahunan yang perlu diadakan dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021 hendaklah diadakan selewat-lewatnya pada 1 Julai 2021.